

# Pasar Nelayan bekal ikan terus ke dapur pengguna

**Seremban:** Pasar Nelayan Seremban 2 di sini, yang berkonsepkan pasar mini dalam bangunan menjadi perintis kepada projek pasar nelayan di kawasan bandar dalam usaha menangani kenaikan harga hasil laut.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil berkata, projek berkenaan mampu membekalkan ikan segar terus ke dapur pengguna dengan harga berpatutan ketika kos sara hidup semakin tinggi.

"Sehingga kini, kami ada 136 pasar nelayan di seluruh negara dengan empat daripadanya di Negeri Sembilan. Namun, kebanyakan premis ini berdekatan pantai atau kawasan pinggir bandar.

"Pasar di sini (Seremban) adalah projek rintis (pasar nelayan) di kawasan bandar dan diperluaskan ke Rembau dan Nilai termasuk ke negeri lain," katanya pada perasmian pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2 di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan LKIM, Abdul Salim Tajudin, Pengarah LKIM Negeri Sembilan, Muhammad Afiq Zali dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan



Hm 10/7/22  
ms: 10

Sehingga kini, kami ada 136 pasar nelayan di seluruh negara dengan empat daripadanya di Negeri Sembilan. Namun, kebanyakan premis ini berdekatan pantai atau kawasan pinggir bandar"

**Muhammad Faiz**

(PENNS), Abu Bakar Dawam.

Muhammad Faiz berkata, pembukaan pasar nelayan di kawasan bandar memberi peluang kepada pengguna yang jauh dari pantai mendapatkan ikan segar pada harga lebih murah.

"Ikan dibekalkan nelayan terus ke dapur pengguna tanpa orang tengah atau pemborong. Ia menjadikan harga ikan lebih murah kerana memotong rantai bekalan.

"Dengan cara ini, nelayan mendapat pulangan lebih besar sekali gus membantu mereka menjana pendapatan lebih tinggi. Sebelum ini nasib nelayan tertekan kerana ikan dibeli pada harga murah oleh pemborong," katanya.



MUHAMMAD Faiz (kanan) ketika merasmikan Pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2, dekat City Centre Seremban 2.

- Gambar NSTP/AHMAD HASBI